

# Pesona

# Rebaya

MCKK



Suasana di Kuala Kangsar pada malam 27 Mac yang lalu cukup berbeza dari malam-malam sebelumnya. Pemandangan yang dibanjiri lampu neon di sekitar bandar diraja itu menjelmakan cahaya malam yang cukup indah. Namun demikian, suasana hari-harinya agak berbeza apabila Auditorium Tun Abdul Razak, Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), digegarkan oleh pementasan teater setelah hampir lima dekad "tidur" dalam lamunan.

Pementasan ini bukanlah datangnya daripada produksi kumpulan anak teater negeri atau persatuan yang sememangnya

cukup ligat dan mahir dalam pementasan teater di negara ini. Pementasan khas ini datangnya daripada jiwa anak muda yang minat dan sayang akan dunia kesusasteraan Melayu.

Lebih daripada 500 orang penonton! Itulah fakta yang memungkinkannya nampak permulaannya nampak menghasilkan kejayaan yang cukup luar biasa. Bagi sebuah produksi yang baru digerakkan, hal ini sudah boleh dibanggakan kerana bukan mudah untuk menarik minat mereka yang tidak mempunyai latar belakang sastera atau teater hadir ke pementasan tersebut.

Tenaga produksi, daripada pembuat kostum sehinggalah pengarahnya, merupakan mereka yang tiada pengalaman mengurus teater, baik berskala kecil apatah lagi yang besar. Persepsi pertama penulis sebelum hadir menyaksikan pementasan ini ialah melihat kegagalan meraih kehadiran penonton dan yang kedua, plot cerita yang disampaikan cukup klise dan lebih teruk serta tidak ubah seperti pementasan kumpulan budak sekolah yang baru mengenali teater!

Pada permulaan pementasan, pentas yang cukup luas itu dibahagikan kepada tiga bahagian

Kasutku  
berbisik ...  
Lepaskannya dari  
lantai warisan ...  
Tamatkan cetera ini ...  
Sudah banyak langkah tariku  
bersamanya.

-T. Pinkie (Lantai T. Pinkie)

babak. Maklumlah, produksi baharu, perkiraan keluar masuk set difikirkan lebih selamat begitu bagi mengelakkan tempoh persembahan berjalan lebih perlahan yang memungkinkan penonton lebih awal "terlena" dengan jalan ceritanya.

Sebagai permulaan gerakan menimbulkan minat dan menjiwai seni persembahan teater itu, penulis memberikan kredit kepada semua tenaga produksi kerana nampak bersungguh-sungguh untuk menjayakan persembahan itu. Yang lebih mengagumkan penulis, setiap tenaga produksi juga terlibat dalam lakonan dan menyambut



Antara penonton muda yang sama-sama menyokong usaha pementasan teater IBMCKK.

tetamu yang sudi hadir dengan membeli tiket. Hebat, bukan?

Jika diminta pelakon atau pengarah yang sudah biasa dalam dunia pementasan teater pun, belum tentu mereka mampu melakukan tugas seperti itu. Lebih teruk, pelakon yang sudah mempunyai standard yang lebih tinggi berasa bahawa dia hanya perlu memberikan fokus terhadap lakonan sehingga set, pakaian, dan pergerakan keluar masuk perlu dikhususkan kepada seseorang yang menjaganya.

*Pesona Kebaya* merupakan tajuk pementasan teater yang dibawa khas buat julung kalinya oleh pelajar yang mengikuti program Diploma International Baccalaureate Kohort 4. Program ini merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran kepada pelajar yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu.

Kajian yang dipilih untuk kali ini ialah drama. Subjek kajian tersebut pula mestilah daripada tokoh sasterawan tempatan. Oleh sebab itu, drama *Anak Tanjung* (Noordin Hassan), *Lantai T. Pinkie* (A. Samad Said), dan *Orang-orang Kecil* (Anwar Ridhwan) dipilih untuk dipentaskan.

Menurut tenaga pengajarnya, Khairul Bariah Mat Bakiri, daripada hasil kajian tersebut,

pelajar perlu menggabungkan ketiga-tiga drama itu sebagai pementasan berkumpulan. Segmen teater dipilih untuk mencabar kreativiti pelajar yang terlibat. "Yang menariknya, pementasan ini merupakan julung kalinya diadakan oleh sebab sebelum ini mereka hanya mempersembahkannya secara tertutup kepada gurunya sahaja," jelas Khairul Bariah.

Ujarnya lagi, pementasan ini akan dinilainya melalui



Di tepi rumah yang indah  
aku duduk bersama  
Pinkie.  
Suasana ... happy ...

Teringat engkau di waktu  
malam  
Wajahmu selalu  
kuterbayang  
Padamu ...  
Wahai sayang ...

Aku meratap merayu  
Pada Pinkie puspita hatiku  
Aku tidak lupa akan  
janjiku  
Sewaktu pertemuan kita  
dahulu  
Hidup bersama ...  
disampingmu ...

-Gonjuloh (Lantai T. Pinkie)





Pesona Kebaya berjaya membuka lembaran baharu dalam teater kerana menggabungkan tiga drama dalam satu cerita.

persembahan lisan individu (*individual oral presentation*) yang merangkum 30 peratus daripada markah peperiksaan akhir. "Jumlah 30 peratus itu merangkum pengetahuan dan pemahaman tentang teks novel, kemudian pemahaman itu perlu diterjemahkan melalui lakonan dan akhirnya penggunaan bahasa dalam penyampaian."

Cabaran ini disahut oleh penulis skrip Muhammad Fareez Yusran, Ahmad Taib, Muhammad Hafiz Tawang, Muhammad Syakeer Abdul Rahman, dan Amad Natsir Alqalami Abdul Halim, serta ketua panel merangkap pengarah teater Muhammad Aiman Zulkifli untuk menghasilkan sebuah pementasan versi MCKK.

Walaupun tiada latar dalam dunia pementasan teater dan pembikinan skrip, para pelajar yang terlibat dilihat menunjukkan sikap profesionalisme dalam

setiap tugas dan gerak kerja yang disusun. Yang lebih membanggakan, semua elemen, termasuklah pemilihan kostum, kreativiti persembahan sendiri oleh 25 orang pelajar yang terlibat secara langsung. Guru hanya memberikan nasihat, jika perlu.

Hasil yang diberikan oleh semua pelajar yang terlibat cukup membanggakan sehingga mendapat pujian daripada bekas pelajarnya yang juga mantan Ketua Polis Negara, Tun Mohammed Hanif Omar. Menurutnya, pementasan ini antara yang terbaik yang pernah dihasilkan oleh pelajar MCKK kerana mobiliti yang ditunjukkan oleh para pelakon cukup hebat.

"Satu usaha yang baik bagi MCKK untuk memulakan semula pementasan karya terkenal daripada penulis yang tersohor,

sekali gus mengulangi tradisi pementasan pada era saya sekitar tahun 50-an dahulu," ujarnya selepas menyaksikan pementasan tersebut.

Bagi pengarahnya, Muhammad Aiman Zulkifli, yang menariknya tentang teater ini ialah gabungan tiga buah karya agung yang dihasilkan oleh tokoh sasterawan untuk dipentaskan. "Hal ini sebenarnya unik kerana pemikiran dan gaya persembahan ketiga-tiga tokoh ini berbeza dan saya bertanggungjawab untuk membongkar mesej penting yang cuba disampaikan dalam ketiga-tiga drama tersebut."

Jelas Aiman, "Aliran pemikiran realisme oleh A. Samad Said diketengahkan dalam bentuk teknik berbingkai yang dibawa oleh Noordin Hassan dan akhirnya dipentaskan berlatarbelakangkan drama Anwar Ridhwan yang menampilkan gabung jalin

## Peluang dan ruang yang diberikan sebagai pengarah teater banyak memberinya ilmu baharu dalam bidang pengurusan dan teknik mentadbir urus sumber manusia yang pelbagai warnanya.

- Muhammad Aiman Zulkifli



ketiga-ketiga teks tersebut, yang sebenarnya menonjolkan kekuatan teater ini."

Menurut Aiman lagi, peluang dan ruang yang diberikan sebagai pengarah teater banyak memberinya ilmu baharu dalam bidang pengurusan dan teknik mentadbir urus sumber manusia yang pelbagai warnanya.

"Peluang melakonkan watak utama sebagai wanita banyak memberi saya pengalaman dan cabaran baharu kerana perlu membuat 'kerja rumah' tentang emosi dan naluri seorang wanita kabaret," kata Amirul Rusydy Azizi yang memegang watak T. Pinkie.

Kelihatan jiwa anak muda ini cukup berahi dalam pembawaan watak yang dipegangnya. Walaupun terdapat sedikit cacatnya dalam pementasan tersebut, bagi penulis, persepsi awal yang dibayangkan berjaya

ditangkis oleh semua tenaga produksi melalui pementasan yang baik.

Dapat dikatakan juga bahawa kejayaan pementasan ini boleh dijadikan sebagai penanda aras kepada setiap sekolah atau kolej dan universiti tempatan untuk seluas-luasnya membuka minda dan pemikiran muda remaja tentang karya seni persembahan yang sebenarnya lebih mudah dijiwai mesej yang ingin disampaikan.

Aku janda kabaret.

Hina.

Jijik.

Kotor.

Ya, aku janda kabaret.

Apa kerana aku janda kabaret, aku tidak layak untuk mengecap kebahagiaan walau sekilas kuinginkan?

Apa kerana aku janda kabaret, kalian boleh injak-injak hati dan pesonaku? 🙄

Tanya pada pokok apa sebab goyang.  
Nanti jawab pokok, angin yang goncang.

Tanya sama hati apa sebab geram.  
Nanti jawab hati, Muhairi, aku dendam!

Dendam nanti kata, kaukan kuusir,  
Sampai bila-bila takkan kumungkir.

Apa yang kaufikir, adakah kausenang?  
Hei kepala batu, kaubelum menang!  
Apa yang kaufikir, adakah kausenang?  
Hei kepala batu, kaubelum menang.

Dendam nanti kata, kau akan kuusir,  
Sampai bila-bila takkan kumungkir.

Apa yang kaufikir, adakah kausenang?  
Hei kepala batu, kaubelum menang!  
Apa yang kaufikir, adakah kausenang?  
Hei kepala batu, kaubelum menang.

-Peguam (Orang-orang Kecil)

